



JIRAN TETANGGA

S.P 2.1.1 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Baca petikan di bawah ini dengan sebutan yang betul. Kemudian, lengkapkan peta alir berdasarkan aktiviti yang dilakukan oleh Zahin dan keluarganya.

Encik Suhaimi membawa keluarganya ke Dewan Komuniti Taman Hijauan Haziq. Mereka ke sana untuk menghadiri majlis sambutan Hari Keluarga Taman Hijauan Haziq.

“Wah, meriahnya suasana di sini! Ramai jiran kita yang hadir. Mesti seronok apabila kita menyertai acara seperti ini,” kata Zahin.

“Betul, Zahin. Sambutan Hari Keluarga ini memang menyeronokkan. Selain itu, sambutan ini dapat mengeratkan hubungan sesama jiran tetangga. Sikap bekerjasama, bertolak ansur dan hormat-menghormati juga dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, sambutan Hari Keluarga ini telah menjadi aktiviti tahunan bagi persatuan penduduk Taman Hijauan Haziq,” kata Encik Suhaimi.


“Ibu, mengapakah kita perlu hadir ke majlis seperti ini?” tanya Hasya. “Hasya, Ahza, Alin dan Zahin, kita perlu hadir ke majlis seperti ini supaya dapat mengenali jiran kita yang ada di sini. Kita dapat beramah mesra dengan mereka yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Oleh itu, semangat perpaduan dapat diperkukuh dan suasana harmoni dapat diwujudkan. Seterusnya, kesejahteraan negara kita akan terus terpelihara,” jelas ibu.

“Ibu, ayah, selesai pendaftaran, kami berempat hendak menonton persembahan sketsa di ruang legar dewan. Kemudian, kami ingin menyertai pertandingan tulisan berangkai, menghias kek dan mencari harta karun. Akhir sekali, kami hendak menyertai acara sukaneka. Bolehkah ayah?” tanya Ahza.

“Boleh, Ahza. Nanti kita ke sana bersama-sama,” jawab ayah.

KOSA KATA

tolak ansur – bersikap mahu saling memberi dan menerima



PRAKTIS TOPIK



PRIHATINNYA KITA

S.P 3.2.1 Kemahiran Menulis

Praktis 1

Bina ayat berdasarkan frasa serta gambar yang diberikan.



kerusi roda – nenek



travelator – penumpang

S.P 3.2.1 Kemahiran Menulis

Praktis 2

Lengkapkan ayat dalam perenggan di bawah.

kemudahan	perjalanan	menaiki	pengangkutan	menziarahi	kenderaan
laluan	Datuk	Petugas	travelator	kerusi roda	menolak

Kisah Aku dan Datukku

Pada minggu yang lepas, datuk dan nenek telah ke Kuching, Sarawak untuk _____ kami sekeluarga. Mereka _____ kapal terbang ke sini. Datuk amat gembira. Nenek pula kagum akan _____ yang disediakan di lapangan terbang. Setibanya mereka di rumah kami, datuk telah menunjukkan beberapa keping foto yang telah dirakam menggunakan telefon pintarnya.

_____ di lapangan terbang menyorong _____ yang diduduki oleh nenek. _____ dan nenek menggunakan _____ bagi memudahkan _____ dari satu lokasi ke satu lokasi. Selepas itu, datuk dan nenek menggunakan _____ khas yang disediakan bagi warga emas. Petugas di lapangan terbang juga turut membantu untuk _____ kerusi roda nenek di _____ landai khas. Setibanya di Bandar Raya Kuching, datuk dan nenek telah disambut oleh kami sekeluarga. Ayah meletakkan _____ di tempat letak kereta khas.

PRAKTIS TOPIK



MASYARAKAT BERILMU

S.P.2.3.1 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Baca cerita di bawah kepada rakan-rakan kamu. Kemudian, jelaskan kandungan cerita dan nilai murni yang terdapat dalam petikan.



Puan Haziqah sering menanam sifat suka membaca kepada anak-anaknya. Beliau akan membawa anak-anaknya ke kedai buku setiap bulan. Biasanya beliau akan memperuntukkan wang sebanyak RM300 setiap bulan untuk membeli surat khabar, majalah dan buku-buku ilmiah serta komik kegemaran anak-anaknya.

Beliau hanya membenarkan anak-anaknya membeli sebuah komik seorang setiap bulan. Namun begitu, majalah-majalah ilmiah diletakkan untuk bacaan anak-anaknya. Puan Haziqah juga akan memilih majalah ilmiah yang sesuai dengan umur dan tahap perkembangan anak-anaknya. Antara majalah ilmiah yang sering dibeli oleh beliau ialah Dewan Pelajar, Kuntum, Ana Muslim, e-Baca dan Asuh. Selain banyak maklumat dan isu semasa, majalah-majalah tersebut juga menyelitkan permainan bahasa, ruangan mewarna dan ruangan untuk menghasilkan karya.

Selain menanam minat suka membaca, Puan Haziqah juga secara tidak langsung telah mendidik sifat menghargai dan menjaga harta benda kepada anak-anaknya. Majalah dan buku-buku ilmiah serta komik yang dibeli sebelum ini disusun dengan kemas di dalam perpustakaan mini di rumah mereka.

KOSA KATA

memperuntukkan – menetapkan untuk sesuatu tujuan

Cerita ini tentang (1) _____

Nilai murni daripada cerita ini ialah (2) _____

PRAKTIS TOPIK



SAYA SIHAT

S.P 5.1.1 (iv) Sistem Bahasa

Praktis 1



Tandakan (✓) bagi penjodoh bilangan yang betul.

1 Putri telah membeli se_____ berus gigi yang baharu kerana berus giginya yang lama sudah rosak.

batang	
--------	--

buah	
------	--

biji	
------	--

2 Pemandu yang melalui kaunter pandu lalu itu menyerahkan se_____ kertas kepada seorang pegawai perubatan.

buah	
------	--

papan	
-------	--

helai	
-------	--

3 Pada setiap hari, Hifzhan makan se_____ limau supaya badannya sihat.

keping	
--------	--

biji	
------	--

ulas	
------	--

4 Kakak sedang membersihkan se_____ karpet di ruang tamu menggunakan pembersih vakum supaya tiada habuk.

gumpal	
--------	--

bidang	
--------	--

keping	
--------	--

S.P 5.1.2 Sistem Bahasa

Praktis 2

Gariskan kata kerja aktif transitif yang terdapat dalam ayat di bawah.

- Zarifah dan kakaknya memakai pakaian sukan yang lengkap ketika beriadah di taman rekreasi.
- Aleesya tidak membeli makanan di gerai itu kerana makanan di situ tidak bertutup.
- Farisy menutup mulut dan hidungnya dengan sapu tangan yang bersih apabila bersin.
- Kita haruslah mengamalkan gaya hidup sihat demi kehidupan yang bahagia.
- Kita perlu melebihkan buah-buahan dan sayur-sayuran dalam menu harian.
- Ezzat selalu melakukan senaman selama 20 minit pada setiap pagi.

PRAKTIS TOPIK




PERSEKITARAN BERSIH HIDUP CERIA

S.P 1.1.2 Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

Baca dan teliti maklumat di bawah. Kemudian lakukan banding beza menggunakan peta buih berganda yang disediakan. *Think*

JOM GUNAKAN BEKAS PLASTIK TUPPERWARE




Diperbuat daripada bahan yang selamat, bebas toksik dan karsinogen

Bioplastik tahan lama dan berkualiti tinggi

Mesra alam

Jenis plastik dan fungsinya sama dengan polisterin

KATAKAN TIDAK PADA BEKAS POLISTERIN



Diperbuat daripada bahan kimia


Punca alam tercemar dan mengganggu hidupan

Lambat terurai

Berbahaya untuk kesihatan

KOSA KATA

terurai - sesuatu yang sudah diuraikan seperti ikatan dan rambut





PILIH GAYA HIDUP SIHAT


S.P 3.2.3 Kemahiran Menulis



Praktis 1

Baca dan teliti maklumat di bawah. Kemudian bincang dan lengkapkan peta dakap yang disediakan dengan betul. *Think*

Internet dan teknologi dalam talian seperti telefon pintar adalah alat canggih yang digunakan untuk berkomunikasi, belajar, bermain dan berhibur. Sebagai pengguna, kita perlu tahu panduan penggunaan Internet yang selamat. Pertama, kita hendaklah sentiasa waspada semasa menggunakan media sosial. Jangan sesekali memberi maklumat peribadi, seperti nama, alamat rumah, nombor telefon, nama sekolah dan sebagainya kepada orang yang tidak dikenali. Kita juga hendaklah berhati-hati apabila memuat turun sebarang bahan atau perisian. Akhir sekali, jangan berkongsi gambar diri, keluarga atau rumah kepada orang yang tidak dikenali secara dalam talian.



KUIZ



PRAKTIS TOPIK



WASPADA SELALU

S.P 2.1.1 Kemahiran Membaca



Praktis 1

Baca perbualan di bawah ini dengan sebutan yang betul. Kemudian, lengkapkan peta bulatan yang diberikan.

Ciri-ciri Keselamatan Pasar Raya Elit

Ayah : Zahin, ayah dapati pasar raya ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lengkap.

Zahin : Benar, ayah. Saya berasa selamat membeli-belah di pasar raya ini. Ayah, lihat di sana ada pengawal keselamatan yang bertugas mengawal keadaan di sini.

Ayah : Ayah juga dapat melihat beberapa buah kamera litar tertutup dipasang di sekitar pasar raya ini. Pintu penggera keselamatan juga dipasang untuk mengelakkan kecurian barangan. Dengan cara ini, keselamatan pasar raya lebih terjamin. Malah, orang ramai yang mengunjungi pasar raya ini juga akan lebih yakin.


Zahin : Bagaimana pula jika berlaku kebakaran di pasar raya ini, ayah?

Ayah : Di sini juga ada disediakan alat pemadam api. Alat pemadam api itu mestilah sentiasa dalam keadaan yang baik. Terkini, pasar raya ini juga dilengkapi dengan sistem penggera kebakaran yang berfungsi untuk memberi amaran kepada orang ramai apabila berlakunya kebakaran. Di samping itu, jika berlaku kecemasan, pintu rintangan api berfungsi untuk mengelakkan api merebak jika berlaku kebakaran.

Zahin : Kalau begitu, baharulah saya faham kegunaan pintu tersebut, ayah.

KOSA KATA

terjamin – dapat dipastikan





HARGAI DIRI

S.P 5.1.3 (iii) Sistem Bahasa

Praktis 1



Bina ayat menggunakan kata adjektif pancaindera yang diberikan.

1 segak

2 bising

3 lembut

4 licin

5 tajam

S.P 5.1.3 (iv) Sistem Bahasa

Praktis 2

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

baharu	lama	awal	segera
--------	------	------	--------

Hifzhan, Farisy, Eizzat dan Leslie pergi _____ ke Stadium Negeri Sarawak, Petra Jaya untuk menonton perlawanan bola sepak. Sebelum masuk ke stadium, mereka diperiksa menggunakan mesin pengimbas yang merupakan teknologi _____ yang digunakan semasa penonton masuk ke stadium. Mereka duduk di tempat duduk yang telah disediakan. Penonton dilarang duduk di tempat yang _____ untuk mengelakkan kecederaan. Hifzhan, Farisy, Eizzat dan Leslie _____ meninggalkan stadium setelah tamatnya perlawanan bola sepak yang berakhir dengan kemenangan pasukan negeri Sarawak.



PATUH DAN SELAMAT

S.P.2.2.1 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Lagukan syair di hadapan rakan kamu. Kemudian, lengkapkan peta bulatan yang disediakan.


Aktiviti PAK-21 **Think** MAIN PERANAN

SYAIR NASIHAT BONDA

Nasihat bonda untuk anakanda,
Doa restu ayah dan bonda,
Ingat sentiasa di dalam dada,
Moga selamat di mana berada.

Ketika di koridor berhati-hati,
Berebut di tangga bahaya menanti,
Etika di padang harus turuti,
Tiada gembira bahaya pasti.

Di kantin dan tandas usahlah leka,
Andai terjatuh kaki terluka,
Sentiasa waspada tiada berduka,
Guru di sekolah pastinya suka.



PRAKTIS TOPIK



SEMARAKKAN BUDAYA KITA



S.P 5.1.4 (iii) Sistem Bahasa



Praktis 1

Pilih dan tulis penggunaan kata nafi yang betul berdasarkan ayat di bawah.

bukan

tidak

- 1 Tarian yang dipersembahkan oleh kumpulan Seni Tari Gita itu tadi _____ tarian Inang tetapi tarian Senandung Sarawak.
- 2 Sirih junjung daripada pengantin lelaki yang dibawa oleh rombongan mereka _____ tinggi.
- 3 Kekurangan promosi menyebabkan perhiasan manik _____ mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat.
- 4 Pemuda itu _____ orang yang menempah kain pua kumbu daripada Puan Grace.
- 5 Puan Anna _____ mengambil masa yang lama untuk menyiapkan sebuah beg tangan daripada rotan yang dijualnya itu.

S.P 5.1.4 (iv) Sistem Bahasa



Praktis 2

Gariskan kata bilangan yang sesuai dalam kurungan bagi setiap ayat berikut.

- 1 Etnik Sarawak tidak melupakan tradisi budaya (masing-masing, semua) walaupun perkembangan teknologi berlaku dengan pesat.
- 2 Saya dan (berapa, beberapa) orang rakan berpeluang berkunjung ke Pesta Kaul di Mukah pada bulan lepas.
- 3 Encik Salihin memeriksa (sekalian, setiap) alat muzik yang akan digunakan dalam persembahan kebudayaan pada malam ini.
- 4 Kami memberikan tepukan gemuruh sebaik sahaja (para, seluruh) penari tarian alu-alu mengakhiri persembahan mereka.
- 5 Kumpulan pengemping padi terdiri daripada (enam, keenam) orang wanita.



INDAH SENI SEPANJANG ZAMAN


S.P 3.3.2 Kemahiran Menulis



Praktis 1

Salin teks yang diberikan dengan mengedit dan memurnikan ayat dari aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan yang betul.

Kain songket merupakan pakaian Tradisi kita yang sungguh cantik. Kain ini merupakan hasil tenunan yang halus dan diperbuat daripada benang emas atau perak. Oleh sebab itulah kain ini berkilat. Corak dan motifnya memaparkan ciri-ciri unik identiti melayu sekaligus mencerminkan budaya bangsa yang kaya dengan keindahan dan keunikan Kain songket amat sesuai untuk dijadikan baju kurung atau kebaya. Selain itu kain songket juga sesuai dipakai oleh kaum lelaki. lazimnya kain songket dijadikan sampin bagi kaum lelaki. Pada masa yang sama, kain songket juga boleh menjadi barangan kraftangan yang menarik. Contohnya! beg tangan, kipas, bantal dan bekas pensil.



Aktiviti PAK-21

Melukis dan Mewarnakan Batik

Arahan:

- 1 Murid-murid perlu sediakan bahan seperti kertas lukisan, pensil, warna air, cawan air dan berus untuk mewarna dengan warna air.
- 2 Murid perlu melukis corak batik yang mereka tahu atau mereka gemari.
- 3 Kemudian, warnakan corak batik mengikut warna kegemaran.
- 4 Guru akan menilai dan memberi markah berdasarkan hasil lukisan tersebut





JADIKAN INSPIRASI

S.P 1.1.2 Kemahiran Mendengar dan Bertutur



Praktis 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian lengkapkan perbualan dengan menggunakan kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk yang betul.

Pameran Foto Klasik Merdeka

MELAKA : Pameran 50 Foto Kemerdekaan akan diadakan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Bandar Hilir, akan berlangsung sehingga 16 September ini, dianjurkan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2023. Pengurus Pusat Sumber NSTP, Ramlan Ramli, berkata semua foto yang akan dipamerkan merangkumi sejarah pendudukan Jepun di Tanah Melayu, perjanjian kemerdekaan antara Tunku Abdul Rahman dengan Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris, Lennox Boyd di London dan proklamasi pengisytiharan kemerdekaan yang dibaca pada pagi 31 Ogos 1957. Pameran itu bukan sahaja membolehkan orang ramai mengenali sejarah negara dengan lebih dekat, malah menyemai semangat patriotik serta memberi peluang kepada pelancong mengenali keunikan Malaysia.

Ayah : Alias, mari (1) _____ baca berita tentang Pameran Foto Klasik Merdeka dalam akhbar (2) _____.

Alias : Wah, sungguh menarik! Foto-foto seperti (3) _____ tidak pernah dipaparkan untuk tatapan umum sebelum ini.

Ayah : Betul, Alias. Pameran 50 Foto Kemerdekaan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Bandar Hilir, akan berlangsung sehingga 16 September ini dianjurkan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2023. Ayah hendak bawa (4) _____ ke (5) _____.

Alias : Teruja (6) _____ hendak melihat foto-foto kemerdekaan yang akan dipamerkan di (7) _____.

Ayah : Semua foto yang akan dipamerkan merangkumi sejarah pendudukan Jepun di Tanah Melayu, perjanjian kemerdekaan dan proklamasi pengisytiharan kemerdekaan yang dibaca pada pagi 31 Ogos 1957.

Alias : Apa tujuan pameran (8) _____ diadakan?

Ayah : Pameran itu bukan sahaja membolehkan orang ramai mengenali sejarah negara dengan lebih dekat, malah menyemai semangat patriotik serta memberi peluang kepada pelancong mengenali keunikan Malaysia.



JADIKAN INSPIRASI

S.P 3.1.1 Kemahiran Menulis

Praktis 1

Kenal pasti peribahasa yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian salin semula peribahasa menggunakan tulisan berangkai.

- 1 Penduduk kampung itu sentiasa mengamalkan sikap berat sama dipikul, ringan sama dijinjing semasa aktiviti bergotong-royong.
- 2 Orang yang mempunyai kemahuan yang kuat pasti akan berikhtiar mencapainya kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- 3 Rakyat Malaysia harus berganding bahu untuk mengekalkan perpaduan kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
- 4 Walaupun sudah dua kali gagal dalam peperiksaan, namun Rita tidak putus asa kerana dia yakin bahawa belakang parang kalau diasah lagikan tajam juga.
- 5 Encik Kamal menasihati anaknya supaya tekun belajar sehingga berjaya mendapat segulung Ijazah kerana genggam bara api biar sampai jadi arang.
- 6 Orang yang berjaya sentiasa berikhtiar untuk mencapai sesuatu, bukan sering memberikan alasan bak kata pepatah hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.
- 7 Syazwan dan rakan-rakannya mengamalkan sikap tolong-menolong bagai aur dengan tebing.
- 8 Arif bermati-matian menyiapkan projek pembinaan itu kerana dia sedar jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

1	
2	
3	
4	
5	
6	
7	
8	

PRAKTIS TOPIK



AKU ANAK WATAN



S.P 1.2.3 Kemahiran Mendengar dan Bertutur



Praktis 1

Lihat maklumat di bawah, kemudian lengkapkan dialog.

KEMATIAN

Tempoh pendaftaran :

Sijil Kematian

(Biasa) – Semenanjung Malaysia : 7 hari

Sabah : 24 jam

Sarawak : 24 jam

(Lambat) – Semenanjung Malaysia :-

Sabah : 2 – 10 hari

Sarawak : 2 – 7 hari

(Lewat) – Semenanjung Malaysia : > 7 hari

Sabah : > 10 hari

Sarawak : > 7 hari

KELAHIRAN

Tempoh pendaftaran :

Sijil Kelahiran

(Biasa) – Semenanjung Malaysia : 60 hari

Sabah : 14 hari

Sarawak : 14 hari

(Lambat) – Semenanjung Malaysia :-

Sabah : 15 – 42 hari

Sarawak : 15 – 42 hari

(Lewat) – Semenanjung Malaysia : > 60 hari

Sabah : > 42 hari

Sarawak : > 42 hari

ANTARA PERANAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

PERKHAWINAN

Wajib berdaftar bagi semua warganegara Malaysia yang **BUKAN BERAGAMA ISLAM**

KEWARGANEGARAAN

Anugerah tertinggi Kerajaan Persekutuan kepada seseorang individu bertaraf bukan warganegara

KAD PENGENALAN

My 12 – Kanak-kanak yang telah genap 12 tahun dan belum mencapai 16 tahun wajib mendaftar untuk mendapatkan Kad Pengenal.
My 18 – Warganegara berumur 18 tahun hendaklah mendaftar semula Kad Pengenal sebelum mencapai umur 25 tahun.

Sazlin : Ibu, lihat risalah ini. Banyaknya peranan Jabatan Pendaftaran Negara.

Ibu : Betul Sazlin. Risalah itu untuk memberi maklumat tentang peranan Jabatan Pendaftaran Negara.

Antaranya, peranan (1) _____

Sazlin : Oh, begitu! Nanti, jika umur saya genap 12 tahun, kita akan ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk membuat Mykad?

Ibu : Betul, bijak anak ibu. Sazlin, adakah Mykad itu perlu diperbaharui ?

Sazlin : Ya, ibu. Warganegara yang berumur (2) _____




TEKNOLOGI DALAM KEHIDUPAN

S.P 1.3.2 Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

Baca maklumat di bawah, kemudian ceritakan kepada rakan kamu.

PETI SEJUK PINTAR




KEISTIMEWAAN PETI SEJUK PINTAR

- Direka khas dengan teknologi canggih secara ergonomik.
- Ruang simpanan besar dan luas
- Struktur penebat nipis mengurangkan prestasi penebatan keseluruhan peti sejuk
- Mempunyai ruang sejuk beku yang berdiri kompak bebas fros.
- Mempunyai pelbagai laci untuk ruang simpan serba guna
- Ciri-ciri utama ;
 - Vitamin factory
 - Pembuat ais automatik
 - Pembekuan lembut
 - Penyahbau antibakteria
 - Rak Auto
 - Penyejuk bukan CFC
 - Smart cube

Semalam saya dan ibu saya pergi ke kedai elektrik. Saya mengambil risalah tentang peti sejuk pintar. Peti sejuk pintar (1)

Antara keistimewaan peti sejuk ini (2)

Selain itu, peti sejuk ini mempunyai ciri-ciri yang unik. Ciri-ciri utama (3)





Praktis 1

Baca petikan dengan teliti dan lengkapkan grafik di bawah.



TERUNG ASAM

Terung Dayak adalah tumbuhan renek dengan banyak cabang dan mampu capai ketinggian sehingga 1 meter. Batangnya berwarna hijau dan agak berbulu dan bertukar separa keras dengan warna hijau coklat. Daun berwarna hijau, lebar serta biasanya ada 6 penjuru tajam agak berbulu. Bunganya mempunyai 5 kelopak berwarna putih dan bahagian tengah yang kekuningan. Buah terung dayak berbentuk bulat atau bulat leper, berwarna hijau ketika muda bertukar kepada kuning oren kemerahan apabila cukup matang. Saiz sebiji terung antara 5 cm hingga 6 cm. Buah yang terlalu masak jika tidak dipetik akan gugur. Terung asam telah dijadikan jus, makanan dinyahhidratkan dan aiskrim serta bahan untuk membuat kek lapis Sarawak. Setakat ini, 12 produk berkenaan ialah Terung Asam Kering, Jus Terung Asam, Kek Gubahan Tiung, Kek Tiung, Kek Keju Tiung, Biskut Cip Tiung, Jem Terung Asam, Sambal Terung Asam, Gula Jeli Terung Asam, Terung Asam Keping, Keropok Terung Asam dan Aiskrim Terung Asam.

**CIRI - CIRI
TERUNG ASAM
SARAWAK**





TERNAKAN JANA PENDAPATAN

S.P 2.3.1 Kemahiran Membaca

Praktis 1

Deklamasikan sajak dan fahami maksudnya. Kemudian, lengkapkan peta bulatan di bawah.



PENTERNAK RUSA YANG BERJAYA

Rusa oh rusa
ketika dahulu kau liar di hutan
kini kau menjadi haiwan ternakan
mendapat tempat di hati penternak
akanku cuba sedaya upaya
menjadikanmu sumber pendapatan

1

Berbekal semangat yang membara
ku tabahkan hati jua
walau tinggi kos perbelanjaannya
ku tangani tanpa rasa gusar
engkau bawa pulang lumayan

2

Rusa kau sungguh berharga
daging enak kegemaran ramai
kulitmu dijadikan perhiasan
akanku ternakmu dengan gigih
untuk meningkatkan pasaran semasa

3

Kiniku gembira penuh kesyukuran
ternakan rusa telah berjaya
berkat kesabaran penatku terubat jua
impian menjadi nyata ekonomi terbelah
aku seorang penternak yang berjaya

4

KOSA KATA

liar – tidak dipelihara, tidak dijaga, terbiar

Diagram of a large oval with a central smaller oval containing the text "PENTERNAK RUSA YANG BERJAYA". The large oval has horizontal lines on its left and right sides for writing.

PRAKTIS TOPIK



MENJANA EKONOMI



S.P 5.2.1 Sistem Bahasa



Praktis 1

Baca petikan dengan teliti dan kenal pasti kata berimbuhan. Kemudian lengkapkan peta pokok di bawah. *Think*

Perniagaan dalam talian banyak memberi kebaikan kepada pengguna. Antaranya, kita dapat membuat pilihan barang yang hendak dibeli kerana pelbagai barangan yang dijual melalui Internet. Selain itu, perkhidmatan pembayaran secara perbankan Internet memudahkan kita membuat bayaran dengan cepat dan pantas. Berbelanja dalam talian amat mudah dan menjimatkan masa. Kita tidak perlu beratur panjang di kaunter pusat beli-belah. Di samping itu, barangan yang dijual dalam talian kadang-kadang jauh lebih murah berbanding di pusat beli-belah. Berbelanja dalam talian juga memudahkan kita membuat pilihan dengan membuat perbandingan produk yang ingin kita beli sebelum membeli barangan tersebut. Kita dapat membuat pilihan yang tepat tanpa memerlukan kita pergi ke beberapa buah kedai. Kesimpulannya, perniagaan dalam talian banyak memberi manfaat kepada kita.

Kata Berimbuhan

Awalan

Apitan

Akhiran